



**SISTEM ePEROLEHAN
PEROLEHAN SECARA TENDER / SEBUT HARGA**

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN TAWARAN

TARIKH IKLAN : 05 MAC 2025 (RABU)

Tender adalah dipelawa daripada pembekal-pembekal yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)** dalam **kod bidang 050201 dan 050202** untuk mengambil bahagian di dalam tender berikut:-

BIL.	BUTIR-BUTIR TAWARAN	JADUAL T/P&P	KAEDAH PEROLEHAN
1.	<p>Tender Pembekalan Sulpiride 200mg Tablet Sebanyak 21,500,000 Tablet Di Fasiliti-Fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia Bagi Tempoh Tiga Tahun</p> <p>No. Tender : QT250000000002974</p>	48/2025	Secara ePerolehan
2.	<p>Tender Pembekalan Etanercept Injection Secara Paket:</p> <p>I) Etanercept 25mg Injection Sebanyak 3,600 Prefilled Syringe; dan</p> <p>II) Etanercept 50mg Injection Sebanyak 24,000 Prefilled Syringe</p> <p>Di Fasiliti-Fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia Bagi Tempoh Tiga Tahun</p> <p>No. Tender : QT250000000002150</p>	49/2025	
3.	<p>Tender Pembekalan Tamsulosin Hydrochloride 400mcg Extended Release Tablet Sebanyak 24,654,480 Tablet Di Fasiliti – Fasiliti Di Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Pendidikan Tinggi, Kementerian Pertahanan Malaysia Bagi Tempoh Tiga Tahun (Pool Procurement)</p> <p>No. Tender : QT250000000002115</p>	50/2025	
4.	<p>Tender Pembekalan Etoricoxib 90mg Tablet Sebanyak 7,826,000 Tablet Di Fasiliti-Fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Pendidikan Tinggi Dan Kementerian Pertahanan Malaysia Bagi Tempoh Tiga Tahun (Pool Procurement)</p> <p>No. Tender : QT250000000002138</p>	51/2025	

BIL.	BUTIR-BUTIR TAWARAN	JADUAL T/P&P	KAEDAH PEROLEHAN
5.	<p>Tender Pembekalan Bupivacaine 0.5% Heavy Injection Sebanyak 936,870 Ampul Di Fasiliti-Fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Pendidikan Tinggi Dan Kementerian Pertahanan Malaysia Bagi Tempoh Tiga Tahun (Pool Procurement)</p> <p>No. Tender : QT250000000001727</p>	52/2025	

* PERHATIAN : SILA RUJUK DOKUMEN TAWARAN - SYARAT-SYARAT, ARAHAN DAN PENJELASAN BERHUBUNG DENGAN TENDER YANG TERKINI DALAM SISTEM ePEROLEHAN

Telecenter:

**Bahagian Perolehan dan Penswastaan,
Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 7, Blok E7, Kompleks E, Presint 1,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62590 PUTRAJAYA**

No. Telefon : 03-8883 3995 / 3994 / 3991 / 3325

Dokumen Tender boleh disemak mulai **05 Mac 2025 (Rabu)** dengan melayari www.eperolehan.gov.my.

Pembekal yang ingin menyertai tender ini mestilah ePerolehan *enabled*. Sistem ePerolehan mempelawa pembekal secara **Auto Invite** dan hanya pembekal yang mempunyai kod bidang berkenaan sahaja layak menyertai tender tersebut.

Cadangan Teknikal dan Cadangan Kewangan yang lengkap hendaklah dikunci masuk (*key-in*) ke dalam sistem ePerolehan pada atau sebelum **26 Mac 2025 (Rabu), jam 12.00 tengah hari**. Semua dokumen pelawaan, dokumen tawaran dan dokumen sokongan hendaklah dikemukakan secara elektronik dan penyerahan **dokumen secara manual adalah tidak dibenarkan**. Penyerahan secara manual hanya dibenarkan bagi sampel sahaja (jika berkenaan). Pihak tuan adalah dimohon untuk mematuhi Pekeliling Perbendaharaan (PP)/Perolehan Kerajaan (PK) 2.2 perenggan 5.7(iii) dan perenggan 15.1(viii) dibaca bersama PP/PK5.1 Lampiran 4 perenggan 9.2 yang memberi maksud untuk **TIDAK memaparkan nama syarikat pada dokumen teknikal**.

Hak Kerajaan untuk mengadakan rundingan tidak dalam apa-apa cara jua mengikat Kerajaan menyetujui terima keputusan rundingan selaras dengan PP/PK 2.2 perenggan 26.

Pelawaan tender ini boleh dipertimbangkan perubahan (tambahan kuantiti/nilai kontrak) dan pelanjutan tempoh kontrak tidak melebihi 50% daripada nilai kontrak asal dan/atau maksimum dua (2) tahun tertakluk kepada peraturan semasa yang berkuat kuasa.

Kementerian Kesihatan Malaysia tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah ataupun sebarang tawaran. Kementerian juga berhak untuk memilih keseluruhan atau sebahagian tawaran tender daripada mana-mana pembida yang menyertai tender.

Perolehan bagi tender ini tidak tertakluk dengan *Comprehensive and Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership* (CPTPP).

Tawaran yang lewat tidak akan diterima.

Syarikat/Firma/Koperasi/Pemilikan Tunggal* hendaklah mengambil perhatian bahawa setiap transaksi bagi kontrak yang melibatkan hanya sekali bayaran (*one-time payment*) melalui sistem ePerolehan akan dikenakan fi perkhidmatan pada kadar sebanyak 0.8% dengan had maksimum RM9,600 bagi transaksi yang bernilai RM1.2 juta atau lebih;

Atau

Setiap transaksi bagi kontrak yang melibatkan beberapa kali pembayaran (*multiple payment*) melalui sistem ePerolehan akan dikenakan fi perkhidmatan sebanyak 0.4% dengan had maksimum RM4,800 bagi pesanan bernilai RM1.2 juta atau lebih.

*Yang mana berkenaan

**Ketua Setiausaha,
Kementerian Kesihatan Malaysia**